



Kenyataan Media oleh IR. JASENI MAIDINSA

Pengurus Besar, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd dan PBA Holdings Bhd.

Pulau Pinang, 13 Ogos 2014.

KEKERUHAN AIR MENTAH YANG TINGGI DARI SUNGAI MUDA SEBABKAN AIR PAIP KOTOR AHAD LALU (10 OGOS 2014)

Kadar kekeruhan air mentah dari Sungai Muda yang tinggi mendadak, iaitu 3.5 kali ganda daripada kadar biasa adalah sebab utama air paip kotor di Pulau Pinang Ahad lalu. Kekeruhan adalah ukuran zarah-zarah terampai di dalam air.

Sungai Muda di Seberang Prai, sumber utama air mentah bagi Pulau Pinang. Air mentah dirawat di loji rawatan terbesar di Pulau Pinang, iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. Air terawat berkenaan dibekalkan ke seluruh Seberang Perai, juga disalurkan ke bahagian pulau melalui salur paip dasar laut berkembar.

Kadar kekeruhan biasa air mentah dari Sungai Muda lebih kurang 90 NTU. Di LRA Sungai Dua, Jabatan Pengeluaran PBAPP menggunakan proses rawatan konvensional automatik untuk mengeluarkan air terawat dengan kadar 5 NTU bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pada 9.30 malam Sabtu, 9 Ogos 2014, kekeruhan air mentah dari Sungai Muda tiba-tiba naik kepada 161 NTU. Kekeruhan air sungai terus meningkat sehingga mencapai kadar puncak, 341 NTU, atau melebihi 3.5 kali ganda daripada kadar biasa, pada jam 10.00 pagi Ahad, 10 Ogos 2014.

Kakitangan dan juga sistem rawatan di LRA Sungai Dua tidak mampu menangani air mentah berkenaan, yang juga menyebabkan sistem penapisan tersumbat.

Disebabkan itu, air terawat yang dipam dari LRA Sungai Dua keruh selama lebih kurang 12 jam, bermula lebih kurang jam 12 tengah malam Sabtu sehingga 12 tengah hari Ahad lalu.

Kakitangan pengeluaran PBAPP telah dikerahkan untuk menangani situasi berkenaan dan memastikan sistem penapisan di loji dibersihkan. Jam 7.00 malam Ahad, kadar kekeruhan di LRA Sungai Dua Berjaya dikawal. Kakitangan bahagia agihan telah dikerah untuk menjalankan kerja-kerja pengerukan dan pembersihan di kawasan-kawasan yang menerima bekalan air kotor.

Kini, setelah situasi berkenaan berjaya diatasi dan bekalan air kembali normal, PBAPP akan melaksanakan siasatan dalaman bagi mengenalpasti jika berlakunya apa-apa pelanggaran dalam protokol yang telah ditetapkan dan sama ada berlaku ketidakcekapan, perlakuan tidak profesional, atau kecuaian yang membawa kepada insiden itu. Siasatan itu akan mengesyorkan tindakan disiplin yang tegas diambil, jika perlu.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd

Hubungi: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-201 3231

Email : syarifah@pba.com.my

Kenyataan media:

KEKERUHAN AIR MENTAH YANG TINGGI DARI SUNGAI MUDA SEBABKAN AIR PAIP KOTOR / m.s 1 drpd 1